

Kastam rampas 42,130g ekstasi bernilai RM7 juta

Bintulu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan cubaan menyeludup dadah jenis ekstasi seberat 42,130 gram dianggarkan bernilai lebih RM7 juta dalam dua serbuan di lokasi berasingan di Bintulu pada 4 Julai lalu.

Pengarah Kastam Negeri Sarawak Norizan Yahya dalam kenyataan semalam berkata, dalam serbuan pertama yang dijalankan sepasukan pegawai Kastam dari Cawangan Narkotik Ibu Pejabat Putrajaya dengan kerjasama Cawangan Penguatkuasaan JKDM Bintulu melakukan pemeriksaan ke atas sebuah syarikat perkhidmatan kurier di sini pada jam 2 petang.

"Pemeriksaan yang dijalankan berjaya menemukan satu bungkusan yang didapati mengandungi dadah berbahaya jenis pil ekstasi seberat 25,330 gram yang dianggarkan bernilai hampir RM4.23 juta," katanya.

Dalam perkembangan sama jelas Norizan, serbuan kedua yang dijalankan pada jam 3 petang oleh sepasukan pegawai Kastam dari Ca-

wangan Narkotik Ibu Pejabat Putrajaya dan Cawangan Penguatkuasaan JKDM Bintulu turut menjalankan serbuan ke atas sebuah kedai runcit dan sebuah rumah kediaman di Jalan Tun Hussein Onn.

Pemeriksaan lanjut menemui satu bungkusan disyaki mengandungi dadah jenis sama seberat 16,800 gram dianggarkan bernilai RM2.8 juta.

Turut dirampas dalam rumah suspek wang tunai RM117,600 yang dipercayai digunakan dalam urusan transaksi jual-beli bahan terlarang itu.

Dalam masa sama, dua suspek utama yang juga seorang lelaki dan wanita tempatan turut ditahan dalam kediaman bagi membantu siasatan lanjut.

Katanya kes ini akan disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang mana jika disabit salah, boleh dijatuhkan hukuman mati atau penjara seumur hidup dan sekiranya dijatuhkan hukuman penjara seumur

hidup, pesalah akan dikenakan hukuman sebatan tidak kurang 15 kali sebatan.

**Kes
disiasat di bawah
Seksyen 39B Akta
Dadah Berbahaya
(ADB) 1952**